

SULIT
1223/1
Pendidikan
Islam
Kertas 1
Ogos
2019

2 jam



1223/1

MAKTAB RENDAH SAINS MARA

PEPERIKSAAN AKHIR SIJIL PENDIDIKAN MRSM 2019

PENDIDIKAN ISLAM

Kertas 1

Dua jam

1
2
3
1

JANGAN BUKA KERTAS PEPERIKSAAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas peperiksaan ini mengandungi dua bahagian: Bahagian A dan Bahagian B.*
2. *Bahagian A mengandungi 40 soalan. Jawapan anda hendaklah menggunakan ruangan jawapan yang disediakan di halaman 15.*
3. *Bahagian B mengandungi empat soalan subjektif. Jawab tiga soalan: Soalan 1, Soalan 2 dan mana-mana satu soalan daripada Soalan 3 atau Soalan 4. Jawapan anda hendaklah ditulis dalam helaian tambahan yang disediakan.*
4. *Tulis nama, kelas, nombor kad pengenalan dan angka giliran anda pada ruangan yang di sediakan di halaman 15.*
5. *Ceraikan kertas jawapan di halaman 15 daripada kertas peperiksaan. Ikat kertas jawapan bersama-sama helaian tambahan dan serahkan kepada pengawas peperiksaan pada akhir peperiksaan.*

Kertas peperiksaan ini mengandungi 15 halaman bercetak.

[Lihat halaman sebelah]

Bahagian A

[40 markah]

*Jawab semua soalan.***Soalan 1 hingga Soalan 20**

Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan A, B, C dan D. Hitamkan jawapan yang tepat pada ruangan jawapan yang disediakan.

1 Pilih pernyataan yang betul mengenai contoh syirik jali.

- A Mengagumi diri sendiri.
- B Menyembah bulan dan matahari.
- C Membuang ancak untuk menghalau hantu.
- D Mempercayai azimat untuk keselamatan diri.

- Melemahkan perpaduan masyarakat.
- Menghilangkan sikap percaya mempercayai.
- Tidak mendapat ketenangan hidup di akhirat.

2 Pernyataan di atas merujuk kepada akibat _____.

- A nifak
- B kufur
- C riddah
- D khurafat

3 Pilih pernyataan yang benar mengenai riba.

- A Mengukuhkan kestabilan ekonomi.
- B Menggalakkan manusia berusaha mencari harta kekayaan.
- C Mewujudkan penindasan dan kezaliman dalam masyarakat.
- D Mengecilkan jurang kehidupan antara orang kaya dengan orang miskin.

- 4 Pilih pernyataan yang betul mengenai pandangan Ahli Sunah Waljamaah tentang qadak dan qadar.
- A Manusia bertanggungjawab terhadap perbuatan mereka sepenuhnya.
B Manusia bebas melakukan sesuatu tanpa hubung kait dengan Allah SWT.
C Sesuatu yang berlaku adalah dengan kebijaksanaan Allah SWT sejak azali.
D Sesuatu yang terjadi adalah dengan ketentuan Allah SWT tanpa usaha manusia.
- 5 Ciri-ciri berikut berkaitan dengan pegangan Syiah Imamiyah **kecuali**
- A mengharuskan nikah mut'ah.
B menolak semua hadis yang bukan diriwayatkan oleh ahlul bait.
C beriktikad bahawa jawatan imam adalah anugerah Allah SWT seperti kenabian.
D beriktikad pelaku dosa besar berada antara keimanan dan kekufuran.

- Meningkatkan keimanan.
- Mengingati sejarah kecemerlangan tamadun Islam.
- Mengadakan perbincangan mengenai kemaslahatan ummah.

- 6 Pernyataan di atas merujuk kepada hikmah _____.
- A haji
B zakat
C saham
D jual beli

Kepunyaan penjual atau wakilnya.

- 7 Pernyataan di atas merujuk kepada syarat sah _____.
- A harga
B barang
C pembeli
D akad

- 8 Waktu afdal melakukan ibadah akikah ialah _____.
- A apabila anak dewasa
B bila-bila masa sebelum baligh
C pada hari ke tujuh kelahiran bayi
D ketika matahari sedang naik
- 9 Berikut adalah hikmah wukuf **kecuali**
- A mengingatkan semula tempat pertemuan Nabi Adam alaihissalam dengan Hawa.
B menimbulkan keinsafan bahawa manusia adalah sama di sisi Allah SWT.
C mengingatkan kita kepada perhimpunan manusia di padang Mahsyar.
D sebagai simbol membersihkan diri daripada segala sifat tercela.

Orang yang tidak mempunyai tuntutan mendesak untuk berkahwin dan tidak ada perkara yang mengharamkannya berkahwin.

- 10 Pernyataan di atas merujuk kepada hukum _____ berkahwin.
- A harus
B wajib
C sunat
D makruh
- 11 Perempuan haram dikahwini selama-lamanya disebabkan faktor berikut **kecuali**
- A keturunan.
B penyusuan.
C persaudaraan.
D persemedaan.
- 12 Pilih khalifah kerajaan bani Umayyah yang mewajibkan rakyatnya menjadi tentera.
- A Abdul Malik bin Marwan
B Umar bin Abdul Aziz
C Al-Walid bin Yazid
D Muawiyah bin Abi Sufyan

13 Antara yang berikut yang manakah tindakan khalifah Umar bin Abdul Aziz pada zaman pemerintahannya?

- I Memecat pegawai-pegawai yang kurang cekap.
 - II Menjadikan kota Cordova sebagai pusat ilmu.
 - III Mengambil pengaruh Rom dan Parsi dalam ketenteraan.
 - IV Menghapuskan cukai jizyah daripada golongan Mawali.
- A I dan II
 - B II dan III
 - C III dan IV
 - D I dan IV

- Menulis kitab *Fiqh al-Akbar* dan kitab *al-Faraid*.
- Ulama pertama menyusun kitab fiqh mengikut bab dan fasal.
- Menerima kaedah *al-Istihsan* sebagai cara mengeluarkan hukum.

14 Penyataan di atas merujuk kepada sumbangan _____.

- A Imam Malik rahimahullah
- B Imam al-Syafii rahimahullah
- C Imam Bukhari rahimahullah
- D Imam Abu Hanifah rahimahullah

15 Imam Ahmad bin Hanbal rahimahullah digelar _____ kerana menghafaz lebih daripada 700,000 hadis.

- A *al-Hakim*
- B *al-Hafiz*
- C *al-Sayid*
- D *Amirul Mukminin*

- Mufti kerajaan Mesir.
- Menyediakan peruntukan untuk gaji guru.
- Membawa idea islah dalam sistem pendidikan di Universiti al-Azhar.

- 16 Pernyataan di atas merujuk kepada sumbangan _____.
- A Ibnu Sina
B Ibnu Khaldun
C Muhammad Abduh
D Jamaluddin al-Afghani
- 17 Antara yang berikut yang manakah **bukan** adab dengan pemimpin?
- I Mentaati pemimpin
II Mengharumkan nama negara
III Melaksanakan semua arahan pemimpin
IV Menasihati pemimpin dengan cara yang baik
- A I dan II
B II dan III
C III dan IV
D I dan IV
- 18 Antara yang berikut yang manakah cara berfikir yang betul menurut Islam?
- A Berfikir tentang zat Allah SWT.
B Mengetahui cara mencapai matlamat.
C Bergantung hanya kepada kemampuan akal.
D Mengutamakan kajian saintifik sebagai rujukan asas.

Petani telah menggunakan bahan kimia secara berlebihan sehingga mengubah warna, kesuburan dan hakisan di kebunnya.

- 19 Situasi di atas merujuk kepada pencemaran _____.
- A air
 - B udara
 - C bunyi
 - D tanah
- 20 Antara yang berikut yang manakah adab menziarahi jenazah?
- A Mengucapkan takziah dalam tempoh lima hari.
 - B Memberi pertolongan dalam urusan pengebumian.
 - C Melahirkan perasaan kesal kepada ahli keluarga.
 - D Membicarakan urusan keduniaan di rumah si mati.

Soalan 21 hingga Soalan 30*Isi tempat kosong dengan jawapan yang betul.*


21 Orang yang keluar daripada agama Islam digelar _____.

22 Menagih dadah adalah contoh dosa _____ yang menghancurkan umat.

- Putus asa dengan rahmat Allah.
- Tidak meyakini kehidupan hari akhirat.
- Menganggapnya dapat menamatkan penderitaan.

23 Pernyataan di atas merujuk kepada punca perbuatan _____.

24 Golongan yang bercita-cita untuk menjadikan Saidina Ali *karramallahu wajhah* sebagai khalifah Rasulullah SAW ialah _____.



- Beriktikad bahawa Nabi Isa mati disalib.
- Menganggap Acre di Palestin sebagai kiblat baru.

25 X dalam rajah di atas ialah pegangan ajaran _____.

Isu pelaku dosa besar	
Kumpulan	Pandangan
Ahli Sunah Waljamaah	Mukmin tetapi fasik
Y	Kafir

26 Y dalam rajah di atas ialah _____.

27 Hukum memakai bau-bauan bagi lelaki ketika hendak ke masjid ialah _____.

28 Wali hakim ialah mereka yang diberi kuasa oleh _____ untuk mengahwinkan seorang perempuan ketika ketidaaan wali nasab.

- 29 Tempoh masa larangan berkahwin yang wajib dipatuhi oleh isteri selepas _____ dengan suami ialah idah.

Encik Ashraf menunaikan umrah terlebih dahulu pada bulan haji dan diikuti dengan ibadah haji dalam bulan yang sama.

- 30 Situasi di atas merujuk kepada cara mengerjakan haji _____.

Soalan 31 hingga Soalan 33

Isi tempat kosong dengan memilih jawapan yang betul berdasarkan jadual di bawah.

sedekah	qadak hajat	nas	zikir
---------	-------------	-----	-------

- 31 Tidak berselawat semasa _____.

- 32 Perbanyakkanlah _____ dalam suasana genting.

- 33 Berzikir dengan lafaz yang terdapat di dalam _____ al-Quran dan al-Sunah.

Soalan 34 hingga Soalan 37

Isi tempat kosong dengan jawapan yang betul.

- 34 Pada zaman kerajaan bani Abbasiah jabatan yang bertanggungjawab untuk menguruskan hal ehwal pertahanan negara dikenali sebagai _____.
- 35 Jizyah bermaksud cukai perlindungan yang dikenakan kepada orang kafir _____ yang tinggal di negara Islam.
- 36 Faktor kejatuhan kerajaan bani Abbasiah berpunca daripada serangan tentera Mongol yang dipimpin oleh _____.
- 37 HAMKA telah menerima anugerah _____ daripada Universiti al-Azhar dan Universiti Kebangsaan Malaysia.

[Lihat halaman sebelah
SULIT]

Soalan 38 hingga Soalan 40

Isi tempat kosong dengan memilih jawapan yang disediakan dalam jadual di bawah.

qazaf	li'an	talak	zihar	khuluk
-------	-------	-------	-------	--------

- 38 Perceraian antara suami isteri yang dikaitkan dengan bayaran tertentu ialah _____.
- 39 Pengertian _____ ialah suami menyamakan isteri atau mana-mana anggota isterinya dengan ibunya atau dengan mana-mana perempuan mahram baginya.
- 40 Menuduh perempuan yang baik melakukan zina tanpa empat orang saksi lelaki yang adil ialah _____.

Bahagian B

[60 markah]

Jawab tiga soalan.

Soalan 1, Soalan 2 mesti dijawab dan pilih mana-mana satu soalan daripada Soalan 3 atau Soalan 4.

- 1 (a)** Kufur merupakan salah satu perkara yang membatalkan iman.

- (i) Apakah pengertian kufur? [2 markah]
(ii) Nyatakan **dua** contoh kufur nikmat. [2 markah]
(iii) Terdapat segelintir masyarakat yang menganggap bahawa solat fardu merugikan masa.

Cadangkan langkah yang perlu dilakukan untuk mengelakkan perkara tersebut berlaku. [4 markah]

- (b)** (i) Nyatakan maksud zina. [2 markah]
(ii) Terangkan **dua** faktor berlakunya perbuatan tersebut. [4 markah]

- (c)** Umat Islam di Malaysia berpegang dengan Mazhab Ahli Sunah Waljamaah.

- (i) Nyatakan **dua** nama lain Ahli Sunah Waljamaah. [2 markah]
(ii) Kemukakan hujah anda bagi menunjukkan kepentingan berpegang teguh dengan akidah yang benar. [4 markah]

2 (a) Terdapat banyak institusi kewangan yang menawarkan khidmat gadaian Islam.

- (i) Nyatakan **dua** rukun gadaian. [2 markah]
- (ii) Nyatakan **dua** perkara yang membatalkan gadaian. [2 markah]
- (iii) Jelaskan **dua** perbezaan antara gadaian Islam dengan gadaian bukan Islam. [4 markah]

“Izinkan saya menyunting bunga di taman pakcik”
Nazmi menyuarakan hasrat hatinya kepada bapa Rozie.

(b) (i) Apakah jenis lafaz peminangan tersebut? [1 markah]

(ii) Nyatakan hukum melihat bakal pasangan berulang kali menurut Imam al-Syafii rahimahullah. [1 markah]

(iii) Terangkan hikmah melihat bakal pasangan sebelum berkahwin. [2 markah]

(c) Perkara halal yang paling dibenci oleh Allah SWT ialah talak.

(i) Apakah pengertian talak? [2 markah]

(ii) Nyatakan **dua** syarat sah suami yang menjatuhkan talak. [2 markah]

(iii) Bilangan talak yang dibenarkan dalam Islam adalah tiga kali sahaja.

Berdasarkan pernyataan di atas,uraikan mengapakah Islam menetapkan bilangan tersebut? [4 markah]

- 3 (a) Kerajaan Khulafa al-Rasyidin adalah kesinambungan daripada kerajaan Islam Madinah pimpinan Nabi Muhammad SAW.
- Nyatakan cara pemilihan Khulafa al-Rasyidin. [1 markah]
 - Siapakah khalifah yang digelar *al-Faruq* pada zaman pemerintahan tersebut? [1 markah]
 - Jelaskan **dua** akibat membelakangkan pentadbiran Khulafa al-Rasyidin. [4 markah]
- (b) Jamaluddin al-Afghani merupakan tokoh islah yang terkenal.
- Tulis secara ringkas riwayat hidup Jamaluddin al-Afghani. [2 markah]
 - Nyatakan **dua** idea islah yang dibawa oleh beliau. [2 markah]
- (c) (i) Hukum menziarahi dan menjaga orang sakit ialah fardhu kifayah.
Jelaskan **dua** adab menjaga orang sakit dari aspek rohani. [4 markah]
- (ii) Terangkan hikmah beradab ketika menjaga orang sakit. [2 markah]
- Tariq mengalami cirit-birit akibat mengambil makanan yang tercemar dan dimasukkan ke hospital.
- (iii) Sebagai rakan bagaimanakah anda menguruskan keperluan Tariq dari aspek fizikal? [4 markah]

- 4 (a) (i) Nyatakan **dua** faktor dalam penyebaran Islam pada zaman kerajaan bani Abbasiah. [2 markah]
- (ii) Jelaskan **dua** kesan penyebaran Islam dari aspek kemasyarakatan pada zaman tersebut. [4 markah]
- (b) Imam al-Syafii merupakan seorang ulama dan pengarang terkenal.
- (i) Nyatakan **dua** karya beliau. [2 markah]
- (ii) Terangkan bukti kegigihan beliau dalam menuntut ilmu. [2 markah]
- (c) Sedekah ialah pemberian untuk mendekatkan diri kepada Allah SWT.
- (i) Nyatakan **dua** jenis sedekah. [2 markah]
- (ii) Jelaskan **dua** adab memberi hadiah dan sedekah. [4 markah]
- (iii) Terdapat segelintir individu yang mempamerkan majlis penyerahan derma di media sosial.
Huraikan pandangan anda terhadap tindakan tersebut. [4 markah]

KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT

KERTAS JAWAPAN UNTUK BAHAGIAN A

NAMA : _____

KELAS : _____

NO. KAD PENGENALAN

--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--

--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--

1	<input type="radio"/> A	<input type="radio"/> B	<input type="radio"/> C	<input type="radio"/> D	21	_____
2	<input type="radio"/> A	<input type="radio"/> B	<input type="radio"/> C	<input type="radio"/> D	22	_____
3	<input type="radio"/> A	<input type="radio"/> B	<input type="radio"/> C	<input type="radio"/> D	23	_____
4	<input type="radio"/> A	<input type="radio"/> B	<input type="radio"/> C	<input type="radio"/> D	24	_____
5	<input type="radio"/> A	<input type="radio"/> B	<input type="radio"/> C	<input type="radio"/> D	25	_____
6	<input type="radio"/> A	<input type="radio"/> B	<input type="radio"/> C	<input type="radio"/> D	26	_____
7	<input type="radio"/> A	<input type="radio"/> B	<input type="radio"/> C	<input type="radio"/> D	27	_____
8	<input type="radio"/> A	<input type="radio"/> B	<input type="radio"/> C	<input type="radio"/> D	28	_____
9	<input type="radio"/> A	<input type="radio"/> B	<input type="radio"/> C	<input type="radio"/> D	29	_____
10	<input type="radio"/> A	<input type="radio"/> B	<input type="radio"/> C	<input type="radio"/> D	30	_____
11	<input type="radio"/> A	<input type="radio"/> B	<input type="radio"/> C	<input type="radio"/> D	31	_____
12	<input type="radio"/> A	<input type="radio"/> B	<input type="radio"/> C	<input type="radio"/> D	32	_____
13	<input type="radio"/> A	<input type="radio"/> B	<input type="radio"/> C	<input type="radio"/> D	33	_____
14	<input type="radio"/> A	<input type="radio"/> B	<input type="radio"/> C	<input type="radio"/> D	34	_____
15	<input type="radio"/> A	<input type="radio"/> B	<input type="radio"/> C	<input type="radio"/> D	35	_____
16	<input type="radio"/> A	<input type="radio"/> B	<input type="radio"/> C	<input type="radio"/> D	36	_____
17	<input type="radio"/> A	<input type="radio"/> B	<input type="radio"/> C	<input type="radio"/> D	37	_____
18	<input type="radio"/> A	<input type="radio"/> B	<input type="radio"/> C	<input type="radio"/> D	38	_____
19	<input type="radio"/> A	<input type="radio"/> B	<input type="radio"/> C	<input type="radio"/> D	39	_____
20	<input type="radio"/> A	<input type="radio"/> B	<input type="radio"/> C	<input type="radio"/> D	40	_____

Untuk Kegunaan Pemeriksa			
Bahagian	Soalan	Markah Penuh	Markah Diperoleh
A	1 hingga 40	40	
B	1	20	
	2	20	
	3	20	
	4	20	
Jumlah		100	